



**MINIT MESYUARAT KALI KE-61 MAJLIS BERSAMA JABATAN
YANG DIADAKAN PADA HARI SELASA 17 DISEMBER 2019, JAM 3.00 PETANG
BERTEMPAT DI BILIK PERSIDANGAN CANCELORI (CCR),
ARAS 6, BANGUNAN CANCELORI, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Kehadiran : Pengerusi

YBrs. Profesor Dr. Faisal Rafiq Bin Mahamd Adikan
Naib Canselor

Ahli Wakil Majikan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari bin Halim
Pengarah Kampus Kesihatan

YBrs. Dr. Musa bin Ali
Pendaftar

YBrs. Dr. Rohayati binti Mohd Isa
Bendahari

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi
Penasihat Undang-Undang

Encik Mohd Azizudin Bin Mohd Shariff
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Ahli Wakil Pekerja

Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Profesor Madya Dr. Baharudin bin Ibrahim
Dr. Ahmad Sufiril Azlan bin Mohamed
Dr. Syahidah Akmal binti Muhammad
Profesor Madya Dr. Muzaimi Mustapha
Encik Mohammad Zaip bin Ahmad
Dr. Ooi Cheong Hwa

Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM

YBrs. Encik Abdul Rahman bin Md. Ibrahim (Presiden)
Encik Azham Bin Murat
Encik Syaarani Amri bin Muhamad
Encik Ahmad Rizwan bin Zulkharnain

Setiausaha Bersama

Encik Mohd Zulkarnain bin Mohamad Tajulariffin
Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin Bin Ahmad
Setiausaha
Kesatuan Kakitangan Am

Turut Hadir

Puan Sarina Binti Razak
Ketua Penolong Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Puan Rozie Aniza Kartini binti Che Ghani
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Puan Norazreen Binti Abdul Razak
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Puan Siti Aishah Binti Abdul Raffar
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Encik Muhammad Syazani Bin Yaali
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Sumber Manusia

Tidak Hadir:

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah
Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBhg. Profesor Madya Dato' Dr. Sundramoorthy A/L
M.Pathmanathan
(Presiden)
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Encik Mohd Zulkifly Bin Ibrahim
Kesatuan Kakitangan Am USM

Encik Ramli Bin Yusob
Kesatuan Kakitangan Am USM

Encik Rahmat bin Md Hassan
Kesatuan Kakitangan Am USM

MINIT 1 Aluan Pengerusi

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan daripada Pengerusi kepada semua ahli yang hadir ke Mesyuarat kali ke-61 Majlis Bersama Jabatan. Pengerusi mengambil kesempatan itu juga untuk memulakan sesi perkenalan dengan setiap ahli mesyuarat yang hadir.

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan ketidakhadiran ahli majlis daripada Wakil Pegawai dan Wakil Pekerja ke Mesyuarat kali ke-61 Majlis Bersama Jabatan.

[Tindakan : Makluman]

MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat ke-60 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Selasa, 27 Ogos 2019, jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Persidangan Canselori (CCR), Aras 6 Bangunan Canselori, Universiti Sains Malaysia.

[Tindakan : Urusetia MBJ]

MINIT 3 Perkara-Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-60

3.1 [Minit 5.1.3]: Hari Pakaian Kemas dan Ringkas (*Smart Casual*)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah membuat hebahan melalui Hebahan Pendaftar Bil. 38 Tahun 2019 - Kod Etika Pakaian Pada Hari Bekerja. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Etika Pakaian bagi warga staf pada hari bekerja adalah seperti berikut:

- i. staf yang perlu menjalankan tugas rasmi, boleh memilih untuk mengenakan pakaian rasmi atau "*Smart Casual*" bergantung kepada kesesuaian majlis;
- ii. staf yang telah ditetapkan dan disyaratkan memakai pakaian seragam dan dibekalkan dengan pakaian berkenaan, hendaklah sentiasa memakainya semasa bekerja seperti yang ditetapkan dalam peraturan;
- iii. staf yang berhasrat memakai baju korporat, baju batik (Khamis) dan/atau baju kebangsaan (Jumaat), mereka adalah digalakkan berbuat demikian seperti lazimnya.

[Tindakan : Makluman]

3.2 [Minit 5.2.1] Taskforce Kajian dan Cadangan Pelaksanaan Waktu Fleksi di Universiti Sains Malaysia

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dalam mesyuaratnya ke-165 pada 28 Ogos 2019 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 berkenaan Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di Agensi Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat juga mengambil maklum berkenaan Hebahan Pendaftar Bil. 27 Tahun 2019, yang menjelaskan pemakaian dan pelaksanaan WBF di USM berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2019 kepada staf pentadbiran dan pelaksana, kecuali kepada kumpulan staf yang bertugas secara waktu “*shift*”.

[Tindakan : Makluman]

MINIT 4 Perkara Daripada Pihak Majikan

- Tiada Perkara daripada Pihak Majikan

MINIT 5 : Perkara Daripada Pihak Pekerja

5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)

5.1.1 “*Work From Home*” kepada staf akademik

Pihak PKAPUSM mencadangkan agar staf akademik dibenarkan untuk melaksanakan dasar “*work from home*” selagi kewajipan tugas dipenuhi sebagai usaha untuk mengurangkan risiko keselamatan, meningkatkan produktiviti kerja di samping membina keseimbangan tugas dan keluarga.

Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Universiti sedang dalam perancangan bagi melaksanakan dasar “*work from home*” atau Bekerja Dari Rumah kepada seluruh staf Universiti Sains Malaysia (USM). Perkara ini juga dapat mengurangkan kemalangan jalan raya yang melibatkan staf Universiti.

Mesyuarat mengambil maklum tentang inisiatif tersebut dan bersetuju perkara ini dilaksanakan kepada seluruh warga staf Universiti.

[Tindakan : Makluman]

5.1.2 Kod Etika Pakaian ke Majlis Rasmi

Pihak PKAPUSM merakamkan sokongan kepada usaha Universiti memperkenalkan ketetapan baharu kod etika pakaian bagi warga staf kepada konsep “*smart casual*” melalui Hebahan Pendaftar Bil. 38 Tahun 2019.

Walau bagaimanapun, pihak PKAPUSM mencadangkan agar staf kekal kepada etika pakaian yang rasmi/formal ketika menghadiri majlis/mesyuarat rasmi Universiti.

Mesyuarat mengambil maklum terhadap pandangan Pengerusi bahawa, penetapan etika baharu ini bagi memberikan ruang kepada staf memilih pakaian secara fleksi untuk disesuaikan dengan keadaan tugas masing-masing, disamping tidak membebankan staf kepada pakaian tertentu.

Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa hasrat Universiti ini juga adalah bertujuan untuk mengurangkan kos penyediaan Baju Korporat atau Pakaian Seragam yang sering disediakan oleh pelbagai PTJ.

[Tindakan : Makluman]

5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

5.2.1 Permohonan untuk Menyediakan Baju Jenis Vest untuk Staf yang Menjalankan Tugas di Luar Waktu Pejabat

Pihak KKAUSM memohon pertimbangan Universiti untuk menyediakan pakaian jenis vest kepada staf berjawatan tertentu yang bertugas di luar waktu pejabat seperti Jururawat, PPK, Penjaga Jentera Elektrik, Penolong Jurutera dan jawatan-jawatan lain yang difikirkan bersesuaian.

Pihak KKAUSM mencadangkan pakaian jenis vest ini dibekalkan oleh pihak Universiti kepada Pusat Tanggungjawab untuk digunakan secara gunasama dan bukannya secara persendirian.

Pengerusi mencadangkan supaya pihak KKAUSM membuat perkiraan bilangan vest yang diperlukan di Pusat Tanggungjawab tertentu secara spesifik dan juga “*design*” reka bentuk vest yang akan digunapakai. Bilangan yang dikenalpasti hendaklah dibahagikan mengikut kampus.

Keputusan;

Mesyuarat mengambil perhatian dengan cadangan tersebut dan memohon pihak KKAUSM mengadakan perbincangan lanjutan di antara pihak KKAUSM bersama Naib Canselor, Jabatan Pendaftar dan Jabatan Bendahari setelah maklumat yang lebih terperinci diperoleh dari pihak KKAUSM.

[Tindakan : KKAUSM]

5.2.2 Pembelian Kasut Keselamatan (*Safety Boot*) dan Baju Overall Kepada Penjaga Jentera Elektrik

Pihak KKAUSM memohon pertimbangan Universiti untuk membenarkan pembelian kasut keselamatan (*safety boot*) dilakukan oleh staf sendiri dan membuat tuntutan kepada Bendahari melalui resit.

Pengerusi mencadangkan bahawa pembelian kasut keselamatan (*safety boot*) dihadkan kos pembelian pada kadar tidak melebihi RM400 untuk tempoh 2 tahun kepada seorang staf yang layak. Pengerusi juga berpandangan supaya kasut tersebut mempunyai beberapa beberapa jenis model atau reka bentuk pilihan dan ianya diperolehi dari kedai panel yang dilantik.

Keputusan;

Mesyuarat mengambil maklum tentang cadangan tersebut dan bersetuju perkara ini akan dibincangkan semula bersama Bahagian Sumber Manusia dan Jabatan Bendahari.

[Tindakan : Perbincangan KKAUSM, Bahagian Sumber Manusia dan Bendahari]

MINIT 6 : Hal-hal Lain

6.1 Semakan semula kos Rumah Tetamu

Pihak KKAUSM mencadangkan agar pihak Universiti dapat mempertimbangkan kadar istimewa kepada Ahli Jawatankuasa KKAUSM yang menjalankan urusan berkaitan kesatuan di Kampus Kesihatan.

Keputusan;

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan Pengerusi untuk mengenakan caj pada kadar minima RM100 satu malam (tertakluk kepada jenis bilik) kepada Ahli Jawatankuasa KKAUSM yang menginap di Rumah Tetamu Universiti bagi tujuan urusan rasmi kesatuan.

**[Tindakan : KKAUSM & Pengerah Kampus,
Kampus Kesihatan]**

6.2 Penjimatan kos di Universiti Sains Malaysia

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Universiti sedang melaksanakan inisiatif untuk menjimatkan kos-kos perbelanjaan di Universiti. Oleh yang demikian, setiap warga USM haruslah memainkan peranan sepenuhnya bagi membantu hasrat Universiti dalam usaha penjimatan kos tersebut.

Pengerusi turut menyeru wakil pekerja untuk bersama menyampaikan hasrat Universiti ini kepada ahli dan warga staf.

[Tindakan : Makluman]

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.00 petang dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :-



ENCIK MOHD ZULKARNAIN BIN
MOHAMAD TAJULARIFFIN
Setiausaha Bersama MBJ USM

Disediakan oleh :



ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD
Setiausaha Bersama (Wakil Pekerja)
MBJ USM